



▲ MURID-MURID Taska Warisan Iranun membuat persembahan dalam majlis Graduasi Pendidikan Bahasa Warisan di Bangunan Taska Iranun Payas-Payas, Kota Belud, Sabah.

◀ KANAK-KANAK dari Taska Warisan Bahasa Kimaragang, Kota Marudu turut menyertai majlis Graduasi Pendidikan Bahasa Warisan, baru-baru ini. — UTUSAN/MABULMADDIN SHAIDDIN

Bagi memartabatkan jati diri bangsa sendiri

Pentingnya menjaga bahasa ibunda

UM 27.10.2012 26

Oleh MABULMADDIN SHAIDDIN
utusansabah@utusan.com.my

KOTA BELUD 26 Dis. - Pada masa ini mengajar kanak-kanak menggunakan bahasa ibundanya adalah sesukar mengejar mereka menaiki bukit iaitu memenatkan dan adakalanya mengecewakan guru-gurunya.

Petikan tersebut bukan berasal daripada mana-mana pujangga, tetapi hanya-lah kata-kata Penyelia Taska-Taska Bahasa Warisan Seluruh Sabah, Ismail Sidik, sewaktu berucap dalam majlis Graduasi Pendidikan Bahasa Warisan di

Bangunan Taska Iranun Payas-Payas di sini baru-baru ini.

"Pengaruh bahasa-bahasa lain kepada kanak-kanak tidak dapat dilakukan iaitu melalui televisyen, tetapi kita harus punya kesedaran untuk memartabatkan bahasa sendiri di samping menjaga kemurnian bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," katanya.

Yang turut hadir Pegawai Daerah Kota Belud, Abd. Gari Itam (**gambar**) dan Ketua Pentadbir Projek Literasi Pendidikan Summer Institute of Linguistik (SIL) Malaysia, Dr. Mark Miller yang berasal dari Amerika Syarikat tetapi fasih berbahasa Melayu dan Bajau Sama.

SIL merupakan sebuah organisasi yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan mapan bidang linguistik yang baru-baru ini menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membangunkan penyelidikan dan pengajaran bahasa ibunda di Sabah.

Majlis itu berjaya menghimpunkan 74 orang murid dari empat Taska Warisan Iranun iaitu dari Taska Warisan Bajau Sama, Taska Bahasa Warisan Tobilung dan Taska Wa-

Jika kita tidak tahu bahasa ibunda sendiri, tandanya kita hanya tinggal pengakuan sahaja. Contohnya kita mengaku berbangsa Bajau, tetapi bila diajak berbahasa Bajau, tiada sepatah kata pun yang kita fahami apakah lagi bercakap menggunakan bahasa tersebut

ABD. GARI ITAM
Pegawai Daerah Kota Belud

risan Bahasa Kimaragang yang berpusat di Kampung Mosolog, Kota Marudu.


Dalam majlis itu, kanak-kanak tersebut juga mempersembahkan tarian kebudayaan masing-masing dan kecekapan mereka berkaitan dengan kira mengira dalam bahasa ibunda mereka.

Sementara itu, Abd. Gari melihat perkara tersebut sebagai sesuatu yang positif dalam memartabatkan jati diri bangsa di samping menjaga kemurnian bahasa Melayu.

"Sebahagian besar ibu bapa hanya menggunakan bahasa Melayu pasaran di rumah. Akibatnya, terjadi pencemaran bahasa yang teruk, bukan sahaja bagi bahasa ibunda kanak-kanak tersebut misalnya bahasa Iranun, tetapi bahasa kebangsaan sendiri," tegasnya ketika merasmikan majlis itu.

Jelasnya, mengikut kajian pengkaji-pengkaji bahasa, sesuatu bahasa yang tidak lagi digunakan oleh tidak lebih daripada 100,000 orang, risiko untuknya lenyap ditelan oleh bahasa-bahasa besar adalah amat tinggi.

Katanya, faktor penghijrahan,



DALAM umur yang muda begini adalah saat terbaik untuk menerapkan nilai-nilai jati diri seperti murid Taska Iranun Payas-Payas, Kota Belud ini.


perkahwinan dan kurangnya semangat memartabatkan bangsa sendiri mengakibatkan bahasa ibunda luntur dengan sendirinya.

"Jika kita tidak tahu bahasa ibunda sendiri, tandanya kita hanya tinggal pengakuan sahaja. Contohnya kita mengaku berbangsa Bajau, tetapi bila diajak berbahasa Bajau, tiada sepatah kata pun yang kita fahami apakah lagi bercakap menggunakan bahasa tersebut," katanya.

Bagi Miller, cara hidup dan budaya tempatan boleh diterapkan kepada para pelajar yang menuntut di setiap Taska dalam lingkungan tiga hingga empat tahun.

"Taska bahasa warisan merupakan jambatan penghubung bagi generasi lama dan baru dengan cara setiap ibu bapa atau generasi tua mengunjungi sekolah dan bercakap bahasa ibunda mereka dengan giatnya," katanya dengan penuh yakin.

Beliau juga berharap agar para pengunjung terutama ibu bapa dan penjaga dapat menyampaikan cerita-cerita rakyat setempat di samping memperkenalkan cara hidup orang tua dahulu kepada para pelajar dengan menggunakan



MARK Miller (kanan) menyampaikan sijil kepada seorang kanak-kanak dalam majlis Graduasi Pendidikan Bahasa Warisan di Bangunan Taska Iranun Payas-Payas, Kota Belud, baru-baru ini.